




Bagi pesakit diabetes, sangat penting untuk mengenal pasti tanda-tanda hipoglisemia (paras gula yang rendah dalam darah) apabila berpuasa iaitu:



Mengantuk/Lemah



Pening/Mudah pitam



Keliru/Gangguan Emosi/Resah/Gelisah



Peluh dingin



Mengeletar



Lapar

Pastikan juga paras gula dalam darah diuji dengan kerap sepanjang menjalankan ibadah berpuasa.

#### **Penafian:**

*Risalah ini adalah bertujuan untuk makluman sahaja. Rujuk doktor atau ahli farmasi anda untuk pengubahsuaian dos serta waktu pengambilan ubat pada bulan Ramadhan.*

Rujukan :  
Panduan Berpuasa bagi Pesakit 2009, JAKIM

Terbitan:  
Bahagian Perkhidmatan Farmasi  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Untuk makluman lanjut, layari  
[www.knowyourmedicine.gov.my](http://www.knowyourmedicine.gov.my) atau  
Hubungi Pusat Panggilan Farmasi Kebangsaan  
di talian bebas tol **1800-88-6722**

# Puasa & UBAT

Puasa adalah rukun ketiga daripada rukun Islam. Malah ia telah disyariatkan menerusi Firman Allah S.W.T.;

#### **Maksudnya:**

*"Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu supaya kamu bertakwa".*

(al-Baqarah: 183)

Syarik mengharuskan pesakit-pesakit meninggalkan puasa sekiranya ia tidak mampu melakukannya. Ia wajib menggantikannya ('qadha') berdasarkan firman Allah S.W.T.;

#### **Maksudnya:**

*"(Puasa yang diwajibkan itu ialah) beberapa hari yang tertentu; maka sesiapa diantara kamu yang sakit, atau dalam musafir, (bolehlah ia berbuka) kemudian wajiblah ia berpuasa sebanyak (hari yang dibuka) itu pada hari-hari yang lain; dan wajib atas orang-orang yang tidak terdaya berpuasa (kerana tua dan sebagainya) membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin. Maka sesiapa dengan sukarela memberikan (bayaran fidyah) lebih dari yang ditentukan itu, maka itu adalah suatu kebaikan baginya; dan (walaupun demikian) berpuasa itu lebih baik bagi kamu (daripada memberi fidyah), kalau kamu mengetahui".*

(al-Baqarah: 184)

